

Graduan UMS terima skrol ijazah daripada KM di hospital

DE 2.12.2018 1

KOTA KINABALU: Mangsa kemalangan jalan raya, Fatma Faisal, 23, menerima skrol ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada petang Jumaat lepas di Hospital Queen Elizabeth 1 yang disampaikan oleh Ketua Menteri Sabah merangkap Pro-Canselor UMS, Datuk Seri Shafie Apdal.

Graduan Kerja Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan itu mengalami kemalangan bersama rakan-nya pada 1 November lepas, dijadualkan bergraduasi pada sesi konvokesyen ke-20 baru-baru ini.

Menurut abangnya Mohd Roslan Faisal, 26, berikutan kemalangan tersebut, Fatma mengalami bengkak pada bahagian otak dan kecederaan saraf yang menyebabkan dia sukar untuk bercakap, bernafas dan tidak dapat bergerak.

"Alhamdulilah setakat hari ini, ter-dapat perubahan positif kepada Fatma. Kini dia sudah dapat mengger-akkan bahagian kiri badannya dan di-

harapkan dengan kehadiran Datuk Seri Shafie menyampaikan skrol kon-vokesyennya, ia akan memberi seman-gat kepada adik saya untuk cepat sembuh," katanya.

Sementara itu, Shafie menzahirkan penghargaan kepada UMS dan Hos-pital Queen Elizabeth 1 atas majlis yang diadakan.

"Hari ini kita adakan sedikit majlis bagi menyampaikan Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial kepada mangsa ke-malangan yang tidak dapat hadir di ma-jlis konvokesyennya.

"Terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Datuk Dr D Kamarudin D Mudin dan pengurusan Hospital Queen Eliz-abeth 1 kerana menguruskan majlis ini yang mana sedikit sebanyak dapat menggembirakan Fatma yang dalam keadaan susah," katanya.

Hadir sama pada majlis ialah Pen-garah Hospital Queen Elizabeth 1, Dr William Gotulis.



SHAFIE (kiri) menunjukkan ijazah yang diterima Fatma (kanan).